

**PERASMIAN JAMBATAN SUNGAI KEBUN, PERARAKAN KAPAL-KAPAL DAN PERAHU-PERAHU  
BERHIAS DAN PERTUNJUKAN BUNGA API BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN JUBLI EMAS  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL  
BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MENAIKI TAKHTA**

**PADA: 14 OKTOBER 2017**

**BERTEMPAT: KAMPONG SUNGAI KEBUN**



1. Kementerian Perhubungan mempersembahkan 'Kayuhan Semangat' hasil rekaan dan buatan tangan oleh pasukan petukang-petukang daripada Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Perhubungan. II. Rekaan ini melambangkan keazaman menuju kearah reformasi dalam sektor maritim. Ini selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat perubahan dan anjakan paradigma 'paradigm shift' bagi membuka lagi peluang-peluang perdagangan kepada pelabur tempatan dan luar negara.
2. Pada menjunjung titah Baginda, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam atau Maritime and Port Authority (MPA) of Brunei Darussalam yang ditubuhkan pada 28 September 2017 akan berperanan untuk mewujudkan suasana yang kondusif bagi pertumbuhan sektor maritim dan menyumbang kepada kemajuan, kemakmuran dan perkembangan ekonomi negara.
3. Perkhidmatan Pelabuhan juga di bawah penyelengaraan Darussalam Asset dengan tertubuhnya Muara Port Company Sendirian Berhad untuk meningkatkan lagi keberkesan dan kecekapan 'efficiency' dalam perkhidmatan pelabuhan dan logistik.
4. Melihat kehadapan, Sektor Maritim juga akan menilai keperluan membentuk River Order untuk menggalakkan lagi penggunaan sungaisungai di Negara Brunei Darussalam sebagai sumber dan kaedah pengangkutan melalui perairan untuk membawa penumpang, barang dan perkhidmatan. Seajar dengan kajian ini nanti, pembentukan Domestic Classification Society diharap akan menggalakkan lagi pertumbuhan industri perkapalan dan pengangkutan laut di Negara ini.